

16/11/2003

Umno Terengganu perlu ceritakan perkara sebenar

HARI ini, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melakukan lawatan bulanannya ke Terengganu selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu. Terengganu menjadi negeri kedua, selepas negeri kelahirannya, Pulau Pinang yang dikunjungi Pak Lah selepas menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu.

Dalam kata lain, rakyat Terengganu, terutama ahli Umno seharusnya berasa bertuah dan bersyukur mendapat perhatian secara langsung daripada pucuk pimpinan tertinggi negara. Dari sudut politik, keadaan itu memberikan kelebihan kepada Umno Terengganu untuk memenangi semula negeri itu daripada Pas, yang mereka sendiri akui tidak sekuat mana, dalam pilihan raya umum tidak lama lagi.

Memang dari segi sambutan dan kehadiran dalam beberapa perhimpunan 'Gelombang Biru' yang dihadiri Pak Lah sebelum ini, ramai orang, khususnya pemimpin Umno negeri, yakin Umno boleh menerajui semula kerajaan Terengganu. Malah, sambutan besar-besaran kepada lawatan Pak Lah hari ini pasti mengukuhkan lagi keyakinan itu.

Tanpa menafikan hakikat wujudnya perubahan di kalangan sebahagian besar rakyat Terengganu terhadap kerajaan pimpinan Pas berbanding ketika ia mula memerintah empat tahun lalu, adalah silap jika jumlah kehadiran pada perhimpunan seumpama itu dijadikan ukuran utama terhadap peluang Umno.

Sejarah telah membuktikan sambutan besar-besaran ke atas lawatan Tun Dr Mahathir Mohamad setiap kali melawat Kelantan atas kedudukannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan negeri itu dulu tidak memberikan kemenangan kepada Umno. Malah dalam pilihan raya akan datang pun, tidak ada yang berani bertaruh bahawa Kelantan akan bertukar kerajaan.

Walaupun ada yang menganggap tidak adil membandingkan senario politik Terengganu dan Kelantan, Sang Lamri percaya sekurang-kurangnya ada satu persamaan ketara di kedua-dua negeri ini iaitu semangat dan keikhlasan orang Umno sendiri. Seperti sudah menjadi satu budaya kecil, sebahagian besar pemimpin Umno akar umbi dan di peringkat negeri hanya bersatu dan bersemangat di depan ketua, apalagi presiden parti dan perdana menteri.

Sebaik ketua tiada di depan mata, mereka kembali kepada puak masing-masing, bukan untuk merangka strategi memenangi semula kerusi yang tewas tetapi memastikan tokoh mereka menjadi calon pilihan raya. Justeru, tidak hairanlah kalau di kebanyakan bahagian Umno di Terengganu sekarang, ketua pemudanya masih tidak sebulu dengan ketua bahagian. Masing-masing percaya diri mereka saja yang layak menjadi calon - yang lama berasa masih diperlukan, yang baru mendakwa mempunyai kelayakan.

Pas Terengganu sebenarnya tidak sekuat mana dan boleh dikalahkan seperti mana mereka menewaskan Umno pada 1999. Syaratnya semua pemimpin Umno di peringkat bahagian ikhlas mahu parti menang tanpa mengira siapa calon.

Mereka hanya perlu mematuhi nasihat Pak Lah sebaik menjadi Perdana Menteri baru-baru ini iaitu 'bekerja dengan saya, bukan bekerja untuk saya' serta 'ceritakan perkara sebenar'.

Memang kebanyakan mereka sebelum ini kelihatan bekerja keras untuk parti tetapi hanya di depan pemimpin, selepas itu lebih untuk kesenangan diri. Lebih menyedihkan lagi, dalam laporan kepada pemimpin, semuanya baik belaka sedangkan keadaan sebenar sebaliknya. Masih belum terlambat untuk membetulkan keadaan itu. Sebaik pulang daripada mendengar amanat Pak Lah petang ini, mereka harus melupakan sebarang pergeseran dan sama-sama bekerja bagi memastikan kemenangan Umno.